

19/07/2001

Kepincangan harus diatasi sepanjang masa

JEMAAH menteri memang diketahui amat gusar setiap kali Datuk Seri Dr Mahathir mengeluarkan buku nota kecil dari koceknya ketika mempengerusikan mesyuarat mingguan. Di dalamnya terlarak coretan mengenai pelbagai kelemahan atau kepincangan atas pemerhatian Perdana Menteri sendiri agar tindakan segera dapat diambil oleh menteri yang berkenaan. Sambil ia adalah teguran dari peringkat tertinggi yang dapat dijadikan panduan, ia tidak harus menjadi 'trend' seolah-olah sesuatu langkah itu hanya akan dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh jika arahan dibuat oleh Dr Mahathir sendiri. Dalam kesibukan tugas hariannya, tidak mungkin Perdana Menteri dapat memerhatikan setiap sesuatu yang menjadi tanggungjawab kementerian serta agensi kerajaan yang lain.

Malangnya, itulah gambaran yang diterima rakyat. Apabila Dr Mahathir menegur mengenai berleluasanya bahan lucah, barulah pihak yang bertanggungjawab tergesa-gesa melancarkan operasi besar-besaran membanteras pengedaran dan penjualan cakera padat video (VCD) lucah. Ia bukanlah bermaksud pihak berkenaan tidak melakukan apa-apa sebelumnya tetapi tidak secara bersepadu. Begitu juga pada masa lalu apabila Perdana Menteri menegur tahap kebersihan di ibu kota serta penebangan hutan secara haram di sekitar Selangor, tindakan susulannya amat ketara. Tanggungjawab kementerian dan agensi kerajaan adalah kepada rakyat keseluruhannya. Andainya wujud kesedaran itu, tiada pihak yang harus berlengah mengatasi sebarang kepincangan kerana kesudahannya, rakyat jugalah yang menjadi hakim terhadap keberkesanan dan kecekapan pentadbiran kerajaan.

(END)